

KENYATAAN MEDIA
YANG BERHORMAT DATO' SERI IR. MOHAMMAD NIZAR BIN
JAMALUDDIN, PENERUS INFRASTRUKTUR, TENAGA, AIR
DAN PENGANGKUTAN AWAM, NEGERI PERAK.

LAPORAN ISU SALIRAN DAN KUNCI AIR GAGAL BERFUNGSI
ATAU GAGAL DISELENGGARA DI DAERAH BAGAN DATUK,
PERAK.

Pada 23 hingga 27 November 2025, Negeri Perak telah mengalami kejadian hujan ekstrem secara berterusan 4 hari berturut-turut yang menyebabkan berlakunya insiden banjir di beberapa daerah. Daerah Manjung, Hilir Perak, Bagan Datuk dan Perak Tengah merupakan kawasan yang paling terkesan berdasarkan jumlah taburan hujan ekstrem yang direkodkan oleh stesen-stesen hidrologi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Stesen Sitiawan, Manjung merekodkan taburan hujan sebanyak 272 mm dalam tempoh 1 hari, bersamaan 290 ARI (Annual Recurrence Interval), manakala Stesen Chui Chak, Hilir Perak mencatatkan 196 mm dalam tempoh dua hari, bersamaan 40 ARI. Kadar taburan hujan yang tinggi ini, ditambah pula dengan hujan lebat di kawasan hulu lembangan sungai, telah meningkatkan aliran masuk ke sungai-sungai utama seperti Sungai Sungkai, Sungai Batang Padang, Sungai Bidor dan Sungai Perak. Keadaan ini seterusnya menyebabkan berlakunya limpahan air yang memberi kesan ketara kepada kawasan penempatan terutamanya di daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk.

Faktor-faktor lain yang menyumbang kepada banjir adalah disebabkan oleh kapasiti sistem saliran dalaman sediada yang rendah berbanding kapasiti rekabentuk hujan semasa yang turun, kedudukan topografi perumahan yang berada di kawasan rendah, pembentung-pembentung sediada yang kecil, tiang-tiang jambatan yang menghalang aliran, perubahan iklim yang ekstrem dan faktor air pasang besar.

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak merupakan agensi teknikal yang dipertanggungjawabkan dalam aspek pengurusan sumber air, hidrologi, lembangan sungai, zon pantai, sistem amaran banjir, saliran

mesra alam, hidromekanikal, kejuruteraan infrastruktur, pengurusan empangan serta pengairan dan saliran pertanian. Dalam konteks pengurusan risiko bencana banjir, JPS memainkan peranan utama dalam memastikan langkah-langkah pencegahan, mitigasi, persediaan, tindak balas dan pemulihan dapat dilaksanakan secara bersepadu.

Terdapat 3 buah pam kekal di Rumah Pam Rungkup yang berkapasiti masing-masing 50 cusec yang mana bertujuan untuk mengeluarkan air banjir genang di beberapa kawasan kampung. Langkah jangka pendek bagi menyelesaikan masalah banjir genang di daerah Bagan Datuk, JPS Negeri Perak telah mengambil tindakan segera dengan menambah bilangan pam kecemasan mudah alih sebanyak 12 unit. Pam-pam ini ditempatkan di lokasi-lokasi strategik seperti di Rumah Pam Rungkup, Rumah Pam Tebuk Semani, Rumah Pam Sungai Balai, Rumah Pam Sungai Nipah dan lain-lain lagi. Di samping itu, JPS Negeri Perak turut melaksanakan kerja mengorekpulih saliran Tebuk Semani bagi melancarkan aliran air keluar. Langkah awalan ini diambil bagi memastikan air genang dapat dikeluarkan dengan kadar segera. Sehingga 9 Disember 2025, pemantauan yang dibuat di kawasan Rungkup dan Tebuk Semani, pihak JPS mendapati masalah banjir genang semakin berkurang.

Daerah Bagan Datuk merupakan daerah yang sangat terdedah kepada masalah banjir kerana kedudukan tropografinya yang rendah. Di samping itu, sistem salirannya terdiri daripada jaringan parit-parit saliran yang berfungsi sebagai parit takungan. Kedudukan tropografi yang rendah dan landai menyebabkan kesukaran air untuk mengalir keluar ke laut melalui pintu-pintu air yang terdapat di dalam daerah Bagan Datuk.

Untuk langkah jangka panjang, JPS telah mengeluarkan tender Rancangan Tebatan Banjir Bagan Datuk pada Julai 2025. Walaubagaimanapun, projek ini terpaksa direkabentuk semula susulan terdapat bantahan daripada penduduk setempat yang tidak bersetuju tanah mereka dibuat pengambilan bagi projek ini. Terkini, setelah mengambilkira rekabentuk jajaran baharu, JPS bersedia untuk mengiklankan projek Rancangan Tebatan Banjir Bagan Datuk ini dengan kos berjumlah RM 87.6 juta pada April 2026. Antara skop kerja RTB Bagan Datuk adalah seperti berikut:-

1. Menaiktaraf Sungai Balai dan Parit 8 Barat sepanjang 2.3 km.

2. Pembinaan Kolam Takungan Sungai Balai seluas kira-kira 17 hektar. Kerja-kerja pembersihan dan pendalaman Sungai Balai.
3. Pembinaan Parit Konkrit Jenis U di Parit 8 Barat sepanjang 1.25 km.
4. Pembinaan 27 unit pembetung lintasan akses rumah dan 2 unit pembetung laluan dalaman.
5. Pembinaan serta naik taraf pintu kawalan air pasang surut.
6. Pembinaan stesen pam (2 pam minor dan 3 pam utama).
7. Menaiktaraf Sungai Semani dan Membaikpulih Pintu Kawalan Air.
8. Penyediaan perlindungan banjir ARI 10 tahun bagi Mukim Rungkup dan Mukim Bagan Datuk.

JPS Negeri Perak juga akan memohon tambahan projek RTB Bagan Datuk Fasa 2 melalui Rolling Plan Ke-2, RMK13 bagi penyelesaian masalah banjir yang menyeluruh di daerah Bagan Datuk.

Pejabat daerah dan tanah, pihak berkuasa tempatan, JPS serta agensi berkaitan perlulah memainkan peranan masing-masing bagi menjaga kebersihan saluran dan mengawal binaan struktur di dalam parit-parit saluran ini. Binaan struktur yang mengikut piawaian dan kelulusan agensi dapat mengelak daripada tersumbat yang mengakibatkan banjir.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan bersabar dan mendapatkan maklumat melalui saluran yang sah. Saya mendoakan supaya bencana banjir di daerah Bagan Datuk segera pulih dan masyarakat di sana dapat menjalankan aktiviti harian seperti sediakala.

Sekian, terima kasih.

PENGERUSI INFRASTRUKTUR, TENAGA, AIR DAN PENGANGKUTAN AWAM, NEGERI PERAK.

10 Disember 2025